



03 SEP, 2020

## MPM mahu perbaharui resolusi KEB1

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# MPM mahu perbaharui resolusi KEB1

**KUALA LUMPUR:** Majlis Perundingan Melayu (MPM) mahu memperbaharui dan memperkukuh resolusi dan pelan tindakan Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama (KEB1) 1965 kepada KEB1 2020 agar kekal relevan bagi memperkasa agenda ekonomi Bumiputera pada 40 hingga 45 tahun akan datang.

Resolusi diperbaharui itu akan dibentangkan dalam acara KEB1 2020 pada 1 Oktober 2020 yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Setiasaha Agung MPM, Profesor Datuk Dr. Hasan Mad berkata, pembaharuan semula resolusi

itu bertujuan mengembalikan kredibiliti institusi-institusi berkaitan pemerkasaan Bumiputera seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang sebelum dikenali sebagai Pernas.

"Kita sudah kaji (resolusi KEB1 1965) oleh itu kita akan angkatnya sebagai resolusi (KEB1 2020) agar kerajaan kukuhkan sistem penyampaian awam dan korporat supaya mereka lebih amanah dan berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing untuk ekonomi dan kemakmuran Bumi-

putera," katanya kepada pemberita selepas majlis prapelancaran KEB1 1965 hingga 2020 di sini, baru-baru ini.

Hasan berkata tindakan MPM memperbaharui dan mengukuhkan resolusi serta pelan tindakan KEB1 berkenaan juga sebagai susulan terhadap rungutan segelintir usahawan Bumiputera yang mendakwa tercicir daripada menerima manfaat akibat kelemahan sistem penyampaian terbabit.

Malah, tegas beliau, ia juga bertujuan memastikan MARA dan lain-lain agensi yang berperanan memperkukuh ekonomi Bumiputera untuk membantu golongan itu agar lebih berdaya saing.- Bernama



03 SEP, 2020

## MPM mahu perbaharui resolusi KEB1

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Majlis Perundingan Melayu (MPM) mahu memperbaharui dan memperkukuh resolusi dan pelan tindakan Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama (KEB1) 1965 kepada KEB1 2020 agar kekal relevan bagi memperkasa agenda ekonomi Bumiputera pada 40 hingga 45 tahun akan datang. Resolusi diperbaharui itu akan dibentangkan dalam acara KEB1 2020 pada 1 Oktober 2020 yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin. Setiausaha Agung MPM, Profesor Datuk Dr.